

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 MAY 2017

# Tiga prinsip wujud kitaran sempurna rakyat, pemimpin

BH - 4/5/2017

➔ Wala', wasatiyyah dan tabayyun jadi asas pemerintahan negara

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_muta-  
lib@bh.com.my

✦ Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, prinsip wala', wasatiyyah dan tabayyun perlu mendasari pemerintahan sesebuah negara bagi mewujudkan kitaran yang sempurna antara pemimpin dan rakyat.

Perdana Menteri berkata, gabungan prinsip tiga serangkai itu jika dilaksana secara harmonis akan menjamin kelang-

sungan sebuah negara bangsa yang menuju ke arah kemajuan dan kejayaan hakiki menurut tafsiran Islam di dunia dan akhirat.

## Kembali ke pangkal jalan

"Wala' dalam pengertian lebih besar, bukan saja memperincikan soal tahap setia yang tidak berbelah bahagi, akan tetapi apabila diamalkan dengan prinsip tiga serangkai juga membawa maksud kita menyeru kepada mereka yang tersilap langkah untuk kembali ke pangkal jalan.

"Saya kira, apabila setiap daripada kita memahami sedalam-dalamnya prinsip tiga serangkai ini, biar apa pun cabaran dan dugaan mendatang, sebagai ummah kita pasti akan terus teguh berdiri mencapai tahap ummah cemerlang atau Khayra Ummah yang disegani kawan dan lawan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Antarabangsa Wasatiyyah 2017 - Fiqh Wala' dan Taat:

Peranannya Dalam Mensejahterakan Negara di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri merangkap Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Tan Sri Dr Abdullah Md Zin.

Perdana Menteri berkata, kerajaan di negara ini cukup berimbang, bersederhana, adil dan saksama serta tidak bersifat diktator melampau sehingga timbul ketaksuban membuta tuli yang membawa kepada ideologi melampau.

## Terbuka terima pandangan

"Sebagai pemimpin dan ketua kerajaan, saya terbuka kepada pandangan dan menerima teguran yang membina.

"Bagaimanapun, sebarang kritikan atau teguran itu sama sekali tidak wajar disulami dengan fitnah, cacian atau tohmahan jahat yang boleh menjatuhkan aib dan bertujuan untuk merosakkan nama baik

pemimpin," katanya.

Selain itu katanya, beliau tidak mahu rakyat negara ini tanpa dibimbing dengan pegangan wala' dan wasatiyyah, terpesong menjadi golongan yang terlalu melampau dan liberal, sehingga matlamat menghalalkan cara dan tergamak menjadi pengkhianat negara, kononnya atas nama kebebasan.

## Pertahan kedaulatan

"Justeru, saya bagi pihak kerajaan ingin tegaskan bahawa kita tidak akan sesekali membiarkan mana-mana pihak yang mahu menjatuhkan kerajaan, tanpa mengikut lunas undang-undang yang sewajarnya," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan lima buku terbitan IWM. Seramai 700 peserta menyertai seminar anjuran Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) itu yang berlangsung selama tiga hari bermula kelmarin, yang menyaksikan 16 pembentangan kertas kerja daripada tokoh tempatan dan antarabangsa.